

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)**

**TARIKH : 09 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan tidak memberikan kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang di bawah Perenggan 1(e) Bahagian II Jadual Kedua Perkara 14(1)(a) Perlembagaan Persekutuan kepada seorang anak kelahiran dalam Persekutuan kepada seorang ibu warga asing dengan seorang bapa warga Malaysia setelah disahkan anak tersebut tidak menjadi warganegara kepada mana-mana negara lain semasa kelahirannya.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran. Hal ini adalah kerana peruntukan di bawah Seksyen 1(e) Bahagian II Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat perlu dibaca bersama dengan peruntukan-peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan seperti pendaftaran perkahwinan, peraturan imigresen, keberadaan yang sah, dan lain-lain.

Dalam hal ini, Seksyen 17 Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa individu yang dilahirkan di luar perkahwinan yang berdaftar dengan perundangan di Malaysia (anak tidak sah taraf) akan mengikut kewarganegaraan ibunya. Sehubungan dengan itu, anak tidak sah taraf hasil daripada perhubungan wanita warga asing dengan lelaki warganegara Malaysia akan direkodkan sebagai Bukan Warganegara. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk menguruskan isu kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal ibunya. Kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut akan menyebabkan ketiadaan dokumen pengenalan diri dari negara asal yang akhirnya mengakibatkan keberadaan tidak sah di Malaysia. Seterusnya, mereka juga disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).

Sekiranya ibu bapa atau penjaga berhasrat untuk memohon kewarganegaraan Malaysia bagi anak tidak sah taraf mereka, permohonan boleh dikemukakan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan sebelum anak tersebut berumur 21 tahun. Pertimbangan adalah tertakluk kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan seperti pendaftaran perkahwinan, peraturan imigresen, keberadaan yang sah, dan lain-lain.

Bagi memastikan tiada isu berbangkit pada masa hadapan serta membentuk masyarakat yang bermoral dan patuh kepada perundangan yang berkuat kuasa, Ahli Yang Berhormat diseru untuk menyebarkan pengetahuan berkaitan dengan kepentingan mendaftarkan perkahwinan serta mendaftarkan anak bertaraf Bukan Warganegara di kedutaan negara asal.